

Uchapan ADHO
536
155/80

Uchapan Y.B. Menteri Pelajaran, Inche
Hussein Onn di-Upachara Merasmikan
Pembukaan Sekolah Menengah Dato' Sulaiman,
Parit Sulong, Batu Pahat, Johor pada
28hb Jun, 1972, jam ~~10.00~~ pagi
4.00 petang.

Terlebeh dahulu saya ucapkan ribuan terima kaseh kapada Pengerusi Jemaah Pengelola dan Ahli2-nya, Guru Besar, Guru2, Ibu2 Bapa dan murid2 sekalian, kerana telah menjemput saya dan isteri saya hadzir di-upachara pembukaan resmi bangunan sekolah yang chantek pada petang ini.

Pusat,

2. Kerajaan ~~Malaysia~~ khusus-nya Kementerian Pelajaran, tiap2 tahun membelanjakan lebeh kurang 22% hasil negara untok pembangunan pelajaran, ia-itu mengadakan sekolah2 yang lebeh baik, guru2 yang lebeh ramai lagi terlatah dan lengkap pula dengan segala ilmu pengetahuan. Usaha ini di-jalankan kerana Kerajaan sedar bahawa, pelajaran-lah yang dapat menentukan untong nasib sa-sabuah negara itu pada masa2 yang akan datang. Oleh yang demikian, Kerajaan berharap jenerasi Malaysia yang ada pada hari ini dan yang akan datang, semua-nya mendapat tempat di-sekolah2, bukan sahaja mendapatkan pelajaran rendah, malahan melanjutkan pelajaran mereka ka-sekolah2 menengah dan yayasan2 pelajaran tinggi termasuk universiti2. Di-samping itu juga, Kerajaan

mengadakan kemudahan2 pelajaran di-kampong2 yang terpenchil dan juga di-kawasan2 bandar dan luar bandar yang lain.

3. Oleh kerana itu, sudah samesti-nya-lah mereka yang sedang belajar hari ini, menumpukan segala tenaga dan minat kepada pelajaran agar mereka pula dapat memberikan sumbangan yang lebeh besar kepada pembangunan dan kemajuan masharakat serta negara ini pada tahun2 yang akan datang. Pada guru2 dan ibu² bapa, ada-lah di-gesa agar memimpin dan mendidek anak2 kita supaya mereka belajar bersungguh2 dan menchapai kejayaan saperti yang di-chita2kan oleh anak2 itu sendiri serta juga masharakat Malaysia seluroh-nya.

4. Di-dalam majlis petang ini, saya suka menyentoh mengenai kekurangan guru2 yang berijazah di-sekolah2 menengah kebangsaan, yang mana ada beberapa pihak telah menudoh bahawa Kerajaan, khas-nya Kementerian Pelajaran, membeza2kan antara sekolah menengah kebangsaan dengan sekolah menengah jenis kebangsaan (Inggeris). Dan ada pula gulongan2 yang tertentu telah mengatakan bahawa Kementerian Pelajaran sengaja mengadakan tekanan pelajaran sechara langsung ka-atas sekolah2 menengah kebangsaan. Saya suka menjelaskan ia-itu, sudah menjadi

dasar Kementerian Pelajaran menempatkan lebih ramai lagi guru2 yang berijazah di-sekolah2 menengah kebangsaan. Malang-nya, sangat-lah susah bagi kami mendapatkan guru2 Melayu yang berijazah atau pun guru2 yang bukan Melayu yang mahir dalam Bahasa Malaysia, untok berkhidmat dalam Kementerian Pelajaran pada masa ini. Apa yang berlaku ia-lah sikap murid2 Melayu sendiri, ia-itu apabila menandatangani kontrek biasiswa konon-nya hendak menjadi guru, tetapi sebaik tiba pada akhir tahun kebanyakannya menukar kontrek dan tidak mahu mengambil Diploma Pendidekan lagi dan sebak-nya memasoki Jabatan2 yang lain sebagai pegawai2 MCS dan sebagainya. Ini-lah yang menyusahkan kita menchari guru2 yang berijazah untok sekolah2 menengah kebangsaan saperti yang dihadapi oleh Sekolah Menengah Dato' Sulaiman ini.

5. Suka saya menyatakan bahawa bilangan sekolah2 menengah kebangsaan ~~tidak~~-lah sabegitu banyak saperti sekolah2 menengah Inggeris, maka bilangan guru2 yang di-hantar ka-sekolah2 menengah kebangsaan harus-lah berkurangan dengan yang di-hantar ka-sekolah2 menengah Inggeris. Selain daripada itu semua guru2 yang berijazah dalam bidang Sains, Ilmu Hisab dan Teknologi dari Indonesia telah di-hantar mengajar ka-sekolah2 menengah

aliran Melayu, ia-itu pada masa ini bilangan guru2 tersebut ia-lah sa-ramai 147 orang. Di-samping itu juga guru2 Amerika yang berkhidmat dalam Pasokan Keamanan (Peace Corps) telah di-hantar ka-sekolah2 menengah kebangsaan dan pada hari ini terdapat 30 orang daripada mereka mengajar di-sekolah2 menengah kebangsaan kita.

6. Sunggoh pun demikian, Kementerian Pelajaran maseh menghadapi kekurangan guru2 berijazah lebeh2 lagi di-dalam mata2 pelajaran Sains, Ilmu Hisab dan Teknologi. Walau bagaimana pun, langkah2 ada-lah sedang di-ambil dan kita berharap keadaan ini akan dapat di-perbaiki dengan ada-nya emphasis yang di-berikan oleh Kerajaan kapada pelajaran Sains, Ilmu Hisab dan Teknologi kapada anak2 kita di-seluruh tanah ayer. Bagi sekolah Menengah Dato' Sulaiman, saya akan hantar lagi guru2 berijazah sa-chepat mungkin dan sa-lambat2-nya pada bulan Januari, 1973, dan juga sa-orang guru pelajaran perdagangan.

7. Saya tertarek hati mendengar perkembangan Sekolah Menengah Dato' Sulaiman semenjak di-tubuhkan pada tahun 1965. Sekolah ini berkembang dengan pesat dan mempunyai bangunan-nya sendiri yang chantek, ia-itu pada mula-nya menumpang di-Sekolah Kebangsaan Parit Sulong dan di-Sekolah Jenis Kebangsaan (China) Parit Sulong dan

mempunyai 10 orang guru mengajar 197 orang murid, tetapi hari ini sekolah ini mempunyai 1,171 orang murid dengan bilangan guru 42 orang dengan menggunakan satu aliran bahasa sahaja. Ini membuktikan bahawa perkembangan pelajaran di-negeri ini ada-lah di-galakkan oleh Kerajaan dan juga pihak2 yang lain, dan saya suka menyatakan di-sini bahawa Kementerian Pelajaran akan terus berusaha mengadakan segala kemudahan dan juga melengkapkan segala kekurangan untuk perkembangan serta kemajuan pelajaran anak2 kita sekalian.

8. Saya telah di-fahamkan bahawa sekolah ini berkehendakkan beberapa perkara yang tertentu di-laksanakan dan suka-lah saya menyatakan ~~pada petang ini~~ bahawa langkah2 yang sewajar-nya ada-lah di-ambil untuk memenuhi hasrat mulia guru2 dan juga penuntut2 sekolah ini. Namun demikian, biar-lah saya tegaskan di-sini perkara yang di-sebutkan itu, mungkin mengambil masa sedikit untuk di-laksanakan, walau macham mana pun akan di-usahakan oleh Kerajaan seperti mana yang saya sebutkan tadi, Kerajaan mahukan perkembangan dan kemajuan pelajaran di-negeri kita ini.

9. Pada petang ini juga saya suka menyentuh mengenai buku2 teks ia-itu orang ramai menudoh bahawa pihak Kementerian Pelajaran sengaja membanyakkan buku2 teks

untuk kegunaan murid2 di-sekolah di-seluruh negara. Yang sabenar-nya perkara ini bukan-lah seperti yang di-tudoh oleh orang ramai,sebalek-nya satu2 mata pelajaran hanya satu buku sahaja yang di-wajibkan oleh sa-saorang murid mempunyai, tetapi untuk menambah pengetahuan-nya lagi di-shorkan murid2 itu membeli beberapa buah buku yang lain, ia-itu yang kita panggil dalam Bahasa Inggeris "Optional books". Dengan ada-nya buku2 sa-umpama ini, maka bilangan buku2 teks bertambah dan bertambah pula perbelanjaan membeli buku2 tersebut.

10. Walau pun demikian, pada minggu lalu, saya telah berunding dengan ahli2 Persatuan Penerbit dan Penjual2 Buku2 Malaysia dan mereka akan berusaha sedaya-upaya untuk mengurangkan harga buku2 teks dan telah pun di-persetujukan bahawa harga buku2 teks di-kurangkan sebanyak 10 peratus mulai dari tarikh penggal persekolahan pada tahun hadapan.

11. Kita harus-lah sedar bahawa banyak faktor yang menyebabkan harga2 buku agak mahal dan satu daripadanya harga kertas telah naik, harga da'awat juga telah naik dan bayaran cukai buku pun telah naik. Jadi kalau faktor2 ini di-masukkan sama maka harga buku2 teks dan lain2 terpaksa di-naikkan pula. Walau macham mana pun saya perchaya pehak yang berkenaan seperti Penerbit2

Buku Malaysia akan berusaha sedaya-upaya mengurangkan harga buku2 dan ini akan dapat menolong ibu2 bapa mengurangkan perbelanjaan membeli buku2 teks anak2 mereka.

10. Berchakap mengenai buku2 teks, Kementerian Pelajaran telah pun mengeluarkan arahan kepada semua Ketua Pegawai Pelajaran dan guru2 besar bahawa, murid2 di-kehendaki membeli buku2 yang mustahak di-pakai untuk satu2 penggal sahaja dan bukan di-beli sekali gus. ~~Tetapi kalau ibu bapa mampu dan terdaya elok-lah buku2 teks itu di-beli sekali gus.~~ Sungguh pun demikian, saya berharap ibu bapa dan penjaga murid2 mesti-lah berikhtiar dan berusaha mendapatkan buku2 teks untuk kegunaan anak2 kita oleh kerana tanpa buku2 tersebut mereka akan ketinggalan mengikut perkembangan satu2 mata pelajaran itu. Saya suka mengingatkan bahawa sekiranya anak2 itu terkandas di-dalam satu2 peperiksaan, jangan-lah di-salahkan guru2 semata2, malahan salahkan diri ibu bapa sendiri kerana tidak berusaha mendapatkan buku2 teks dan lain2 keperluan pelajaran untuk kegunaan anak2 kita itu. Selain daripada itu saya ketahui bahawa ada beberapa Kementerian seperti Kementerian2 Kebajikan Masyarakat dan Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan termasuk juga Kerajaan2 Negeri dan badan2 yang lain, ada memberi bantuan buku2 teks kepada anak2 kita. Oleh hal yang demikian di-mana2 yang patut

dapatkan-lah bantuan itu supaya saperti yang saya sebutkan awal2 tadi supaya anak2 kita tidak akan ketinggalan dalam pelajaran mereka.


13. Sekarang saya suka menyentoh mengenai projek pembangunan pelajaran di-negeri Johor yang sedang di-laksanakan pada tahun 1972 ^{ia-}itu projek yang berjumlah lebeh kurang \$9.2 juta ia-itu projek2 sekolah rendah menelan belanja lebeh kurang \$2.3 juta sementara projek2 sekolah menengah menelan belanja \$6.9 juta. Projek2 yang besar yang di-laksanakan pada tahun 1972 ia-lah membena sabuah sekolah menengah vokeshenal yang bahru bertempat di-Muar untok menempatkan 480 orang murid yang mangambil mata pelajaran perdagangan dan 160 murid lagi yang mangambil kursus sains rumah tangga. Projek yang kedua besar di-Johor di-bidang pelajaran menengah ia-lah pembenaan 18 bilek darjah, 2 ma'mal sains rumah tangga dan beberapa buah bilek guru, bilek rehat, workshop dan bilek seni

perusahaan untuk sekolah menengah rendah Inggeris Batu Pahat sementara untuk projek sekolah rendah pula yang terbesar sakali ia-lah di-Kota Tinggi ia-itu pembenaan 12 bilek darjah, bilek guru, Pejabat guru Besar dan lain2 kemudahan untuk sekolah rendah Kebangsaan Ayer Tawar ia-itu di-Ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan peringkat I di-samping itu Kerajaan akan membena 4 buah rumah guru di-kawasan sekolah tersebut untuk kemudahan tempat tinggal bagi guru2 yang mengajar sekolah yang berkenaan. Sementara di-Batu Pahat sahaja untuk pelajaran menengah pada tahun ini Kementerian Pelajaran akan membelanjakan \$725 ribu ia-itu projek2 untuk sekolah menengah rendah Inggeris Batu Pahat, sekolah menengah Tun Aminah, sekolah menengah tinggi Batu Pahat dan juga sebuah asrama tiga tingkat untuk 100 orang murid perempuan sekolah menengah tinggi perempuan Temenggong Ibrahim. Sementara perbelanjaan yang di-peruntukan oleh Kerajaan untuk sekolah ^{rendah} di-Daerah Batu Pahat tahun ini berjumlah

\$515,500 ~~ribu~~ untuk 11 buah projek sekolah2 dan perbelanjaan yang terbesar sekali sabanyak \$80 ribu ia-lah untuk sekolah Kebangsaan Seri Timbul, di-mana Kerajaan akan membena 6 bilek darjah, sabuah pejabat, sabuah setor, sabuah bilek guru, bekalan ayer dan lain2. Maka dengan ini jelas-lah pembangunan projek2 sekolah terus berjalan dengan harapan untuk memberi kemudahan yang lebeh baik kepada anak2 kita yang bersekolah sama ada di-bandar mahu pun di-kampong2 yang jauh terpenchil, maka sudah sawajar-nya saperti yang ^{saya} sebutkan tadi kemudahan ini di-gunakan oleh murid2 kita untuk mendapat ilmu pengatahun yang akan menolong diri mereka dan masharakat Malaysia seluruh-nya.

14. Akhir kata saya bagi pehak isteri saya dan diri saya sendiri menguchapkan sa-tinggi2 tahniah di-atas kesanggupan dan kejayaan sekolah ini mengadakan temasha yang meriah pada petang ini. Saya perchaya

kejayaan ini di-chapai ada-lah di-sebabkan ada-nya
kerjasama dari ahli2 Jemaah Pengelola, guru2, ibu2 bapa
dan murid2 sekalian dan semangat ini-lah yang kami
harap2kan sangat supaya perkembangan pelajaran anak2
kita tidak akan terjejas malahan berkembang dengan
pesat-nya, dan dengan itu, saya dengan segala sukachita-
nya merasmikan pembukaan Sekolah Menengah Dato' Sulaiman,
Parit Sulong, Batu Pahat.



kegiatan ini di-chapit oleh di-kegiatan ini

1. Pengurus serta ahli-ahli Jawasah Pengalola.

2. Y. B. Wakil² Pasayat

3. Y. B. Pegawai Daerah

4. Guru² Besar serta Guru²

5. Dato² & Datin

6. Guru² & Puan sekalian.

Perit Sulong, Batu Pahat.



No. Siri	113
No Penerimaan	113/80